

CNS5523

R PB 10-06 00192 BA594

bah

Mahathir - UMNO

PEMUDA UMNO YANG MELEBHTI HAD UMIR LAYAK JADI ANGGOTA PENAJA

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Anggota Pergerakan Pemuda UMNO yang berumur lebih 40 tahun pada 1 Jan 1994 boleh menganggotai Jawatankuasa penaja cawangan dan bahagian Pemuda yang ditakar taraf mulai 1 Julai ini.

Keputusan tersebut dibuat oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno yang bermesyuarat di ibu pejabat parti di sini hari ini.

(UMNO akan menukar semua Jawatankuasa cawangan dan bahagiannya kepada taraf penaja mulai 1 Julai selaras dengan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya yang diluluskan Parlimen bulan lepas).

Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Jawatankuasa Penurusan MT yang dipengerusikan Datuk Seri Anwar Ibrahim pula akan menimbang susunan anggota Jawatankuasa penaja peringkat bahagian, yang dikemukakan Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri, pada 22 Jun ini.

"Kita telah mengambil tindakan untuk menentukan pentadbiran bahagian-bahagian dan susunan Jawatankuasa penaja itu mengikut Pasal 13 Perlembagaan UMNO," katanya kepada pemberita selepas memperkerusikan mesyuarat MT.

(Pasal 13 menyebut bahawa Jawatankuasa UMNO Bahagian hendaklah terdiri dari pada 25 orang anggota, termasuk seorang ketua, Timbalan ketua, naib ketua, setiausaha, bendahari dan ketua penerangan). -- laqi

▼10/06/14-42MST

R PB 10-06 00165 BA595

bah

Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

Setiausaha Agung UMNO Datuk Mohamed Rahmat berkata keputusan MT memberi kelonggaran kepada anggota Pemuda berumur lebih 40 tahun menganggotai Jawatankuasa penaja Pemuda peringkat cawangan dan bahagian bertujuan menurangkan masalah di peringkat akar umbi.

Tni kerana ada di kalangan Ketua Pemuda UMNO yang dipilih perwakilan sebelum ini kini sudah melebihi usia 40 tahun dan dengan itu MT berpendapat mandat yang diberikan perwakilan perlu diteruskan. Sehingga pemilihan akan datang, katanya.

Beliau diminta menjelaskan keputusan itu kerana Perlembagaan UMNO menghadkan hanya mereka yang berusia 40 tahun atau kurang layak menjadi anggota Pemuda UMNO, kecuali untuk jawatan Ketua Pergerakan Pemuda di peringkat kebangsaan.

Anwar, yang juga Timbalan Presiden UMNO, pula menjelaskan bahawa Jawatankuasa penurusan parti akan bermesyuarat dengan Presiden UMNO pada 22 Jun ini untuk membuat keputusan muktamad berhubung susunan anggota Jawatankuasa penaja bahagian-bahagian.

Katanya, ketua-ketua perhubungan UMNO negeri akan mengemukakan cadangan masing-masing berhubung susunan itu pada 19 Jun ini. -- laqi

▼10/06/14-44MST

bah

Mahathir - UMNO 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata mesyuarat lebih dua jam itu juga membincangkan tata cara Perhimpunan Agung Khas UMNO pada 19 Jun ini.

Katanya, perhimpunan khas itu hanya akan membincangkan pindaan Perlembagaan UMNO bagi membanteras politik wang kerana perkara itu perlu diselesaikan segera.

"Timbalan Presiden UMNO akan mengemukakan usul cadangan pindaan perlembagaan itu sebagai mewakili Majlis Tertinggi," katanya.

Dr Mahathir berkata usul yang dibentangkan itu bukan sahaja berhubung pindaan perlembagaan untuk membanteras politik wang tetapi juga isi kandungan tata etika anggota UMNO yang akan dipertimbangkan oleh MT selepas mendapat kuasa melalui pindaan berkenaan.

Beliau berkata walaupun tata etika itu tidak dibentangkan pada perhimpunan agung khas, MT membuat keputusan untuk memberi penjelasan berhubung perkara berkenaan kepada para perwakilan. -- Lagi

▼10/06/14-46MST

CNS5545

R PB 10-06 00118 BA599

bah

Mahathir - UMNO 4 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata perhimpunan agung khas itu akan dimulakan dengan ucapan presiden dan diikuti pembentangan usul pindaan perlembagaan oleh Timbalan presiden dan akan disokong oleh Pergerakan Pemuda UMNO.

Katanya, setiap negeri dibenarkan melantik seorang perwakilan untuk membahaskan usul itu yang kemudian akan dibincangkan pula pada peringkat jawatankuasa.

"Apabila kita sampai kepada peringkat jawatankuasa, sesiapa sahaja boleh bercakap tetapi sudah tentulah kita terpaksa menghadkan masa," katanya.

Katanya, selepas penggulungan oleh Anwar, beliau sendiri akan berucap berhubung soal-soal prinsip yang berkaitan dengan cadangan pindaan itu, diikuti dengan pengundian oleh para perwakilan.

Sebanyak 1,786 perwakilan akan menghadiri perhimpunan agung khas sehari itu. -- Lagi

▼10/06/15-08MST

R PB 10-06 00162 BA603

bah

Mahathir - UMNO 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai permohonan Pergerakan Wanita UMNO supaya ketua-ketua wanita bahagian dilantik secara automatik sebagai perwakilan ke perhimpunan agung tahunan parti itu, Dr Mahathir berkata buat masa ini tiada keputusan dibuat kerana mesyuarat MT hari ini tidak membincangkan perkara berkenaan.

Katanya, walaupun Pergerakan Wanita UMNO berpendapat perkara itu perlu, kepimpinan muktamad adalah di tangan MT dan jika memerlukan pindaan kepada perlembagaan parti pula, perhimpunan agung khas perlu diadakan.

Presiden UMNO berkata mesyuarat MT tidak membincangkan soal pilihan raya umum akan datang kerana perkara itu tidak penting pada ketika ini.

Baikmanapun, katanya, MT UMNO sudahpun membuat pendirian berhubung permohonan kemasukan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Parti Demokratik Sabah (PDS) ke dalam Barisan Nasional (BN) dan pendirian itu akan dikemukakan kepada mesyuarat Dewan Tertinggi BN petang ini.

Katanya, MT juga meluluskan penubuhan Kelab UMNO Jogjakarta dan Sumatera Barat, kedua-duanya di Indonesia. -- Bernama.

AH 2AB STA